

18/06/2003

Wanita, Puteri hangatkan PWTC

Fadzlena Jafar; Nor Affizar Ibrahim

SETIAP kali mereka melangkah masuk ke Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), ada mata yang menjeling. Malah, yang terlepas pandang, menoleh semula untuk melihat gaya dan penampilan mereka. Selepas memandang dan 'mencuci mata' ada segelintir yang berbisik sesama sendiri.

Mana tidaknya, jika sebelum ini merah dan putih mewarnai Perhimpunan Umno tetapi tahun lalu merah jambu mencerikan lagi suasana. Apatah lagi, yang mengenakan pakaian warna itu ialah gadis muda, cantik dan ranum yang sebelum ini jarang sekali menghadiri majlis besar seperti itu.

Tidak habis di situ, ketika perbahasan ada perwakilan yang mencuit Puteri Umno. Antara yang ditegur adalah isu mewarnakan rambut di kalangan

ahli Puteri Umno yang diharap sekadar fesyen dan tidak sehingga melupakan

budaya Melayu. Selain isu rambut, ada juga yang mencuit adik bongsu Umno itu supaya mengamalkan budaya tegur-menegur serta bersalam dengan ahli pergerakan Wanita Umno yang diibaratkan seperti emak dan anak.

Itulah antara senario yang dapat dilihat pada Perhimpunan Umno tahun lalu apabila pada kali pertama perwakilan Puteri Umno yang dianggotai wanita berusia antara 18 dan 35 tahun menghadiri persidangan. Jika sebelum

ini kontroversi yang menyelubungi penubuhan Puteri Umno hangat diperkatakan kerana kononnya tidak sebulu dengan Wanita Umno, tahun ini masing-masing dikatakan lebih menumpukan kepada usaha menggerakkan jentera

parti menjelang pilihan raya yang khabarnya bakal berlangsung tidak lama lagi.

Justeru, kehadiran ahli Puteri Umno pada Perhimpunan Umno tahun ini diharap membawa makna yang lebih besar seperti mana hasrat matlamat penubuhan parti itu untuk menarik anak muda menyertai perjuangan Umno, di

samping menyedarkan tanggungjawab mereka sebagai bangsa Melayu dan tidak mensia-siakan tenaga serta dapat mengukuhkan lagi parti Umno.

Tanggal 20 Jun 2002 yang menjadi tarikh bersejarah kerana Pergerakan Puteri yang sebelum ini di peringkat penaja akhirnya, disahkan sebagai entiti baru parti Umno, bukan sekadar menjadi satu kebanggaan tetapi perlu

diisi dengan misi yang lebih besar. Dilihat, kelebihan juga ada pada pergerakan itu kerana jawatan Ketua Puteri diiktiraf setara dengan Ketua Pemuda dan Ketua Wanita sebagai Naib Presiden Umno.

Selain itu, pengalaman dan kejayaan menjayakan konvensyen sulung yang dihadiri lebih 1,200 ahli Puteri sempena Perhimpunan Agung Umno ke-56 tahun lalu, juga boleh dijadikan satu permulaan baik untuk memancing dan membuka mata yang lain bahawa Puteri Umno sudah lebih bersedia dan semakin

faham fungsi yang mesti dimainkan.

Dengan jumlah keahlian Puteri Umno yang dikatakan sudah meningkat

mencapai 140,000 orang di seluruh negara, sewajarnya warna merah jambu Puteri Umno bukan sekadar penyeri persada politik tanah air tetapi membawa

wadah dan harapan golongan wanita generasi baru.

Jika sebelum ini, isu 'adik kakak' di antara Puteri Umno dan Wanita Umno

menjadi perhatian serta kerap diperkata, diharapkan perkara itu tidak ditimbulkan lagi.

Seperti mana Pergerakan Wanita Umno yang sudah matang dan menegaskan tidak akan membentangkan sebarang usul menyentuh Puteri Umno sebaliknya hanya menekankan isu semasa pada perhimpunan agung parti kali ini, diharapkan begitu juga pendirian Puteri Umno.

Walaupun selama ini Puteri Umno dilihat begitu agresif dalam perjuangannya dengan menganjurkan pelbagai kegiatan dan program berbanding

Wanita Umno yang seolah-olah menyepikan diri, tidak bermakna Wanita Umno kurang menganjurkan program. Ia juga bukan menunjukkan petanda bahawa Puteri Umno lebih baik berbanding Wanita Umno.

Seperti kata Ketuaanya, Datuk Seri Rafidah Aziz dalam satu temubual menjelang Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini, Puteri Umno tidak pernah membayangi pergerakan Wanita. Sebaliknya dengan jumlah keahlian yang mencecah hampir 1.5 juta, Wanita Umno tidak sekadar bergoyang kaki kerana

sejak dulu lagi pelbagai kegiatan ada dianjurkan.

Malah, beliau berkata, prestasi Wanita Umno tidak perlu dinilai dari segi kenyataan yang dikeluarkan sebaliknya penilaian perlu dilihat menerusi keberkesanan jentera pergerakan pada peringkat akar umbi.

"Ada orang nilai prestasi Wanita melalui berapa banyak kenyataan yang dibuat. Ada kata wanita senyap, lesu, tak ada kenyataan. Jangan dinilai prestasi Wanita Umno dengan kriteria kenyataan kerana penilaian sebenar keberkesanan Wanita Umno adalah apa yang dilakukan di peringkat akar Umno.

"Kerja yang kita buat pelbagai bentuk baik sosial, agama atau ekonomi. Kita tidak ada program masuk kampung masuk bandar tetapi di mana kita ada

di situ buat program. Supaya mereka kenal Umno itu, jangan sekali-kali menidakkan. Banyak cara kita berkempen tidak babitkan kenyataan dan saya larang pemimpin Wanita buat kenyataan sembarangan dan ketiadaan kenyataan

bukan bermakna kita tidak buat kerja.

"Jangan lupa saya dan Shahrizat adalah ahli Kabinet, di situ kami buat kenyataan, bukan di luar. Dalam Kabinet sudah cadang malah nak pinda perlembagaan pasal jantina kita buat dalam Kabinet! Budak baru biarlah. Kami dulu pun umur 20-an pun you all (wartawan) bagi publisiti begitu juga," katanya.

Pada perhimpunan kali ini, Rafidah berkata, tiga usul yang bakal dibentangkan membabitkan isu ekonomi, agama dan pendidikan serta perbahasan ucapan dasar ketua dengan menumpukan dan membincangkan isu semasa termasuk isu Sekolah Agama Rakyat (SAR), prestasi pendidikan dan ekonomi.

Penetapan itu dibuat bagi memastikan perhimpunan kali ini lebih teratur

dengan menugaskan hanya beberapa orang saja yang membahaskan usul berkenaan memandangkan kaedah yang diamalkan sebelum ini menyebabkan

pengulangan perbahasan bagi satu-satu usul sehingga ada perwakilan tidak sempat meluahkan pandangan serta mengakibatkan perhimpunan menjadi lebih lama.

Persiapan pilihan raya umum akan datang juga bakal menjadi inti pati utama yang akan dibincangkan Wanita Umno pada perhimpunan agung pergerakan itu hari ini. Sehubungan itu, beliau tidak mahu ahli wanita membahaskan pelbagai usul secara berapi-api dan mengabaikan soal turun ke akar umbi untuk menemui pengundi.

Seperti Wanita Umno, Puteri Umno juga bakal menumpukan kepada pilihan raya mendatang bagi meraih lebih banyak sokongan daripada generasi wanita muda. Bersesuaian dengan perbahasan berhubung hala tuju wanita muda Melayu dalam arena politik tanah air terutama dari sudut perspektif Islam yang dibincangkan tahun lalu, perhimpunan kali ini adalah landasan terbaik bagi meluaskan lagi idea dan pandangan mereka.

Pada konvensyen tahun lalu, seramai 14 pemimpin Puteri Umno membahaskan tiga isu utama berhubung wanita muda Melayu, iaitu 'Hala tuju Puteri Umno dalam era globalisasi, Sejarah Perjuangan Umno - Survival sebuah bangsa, dan 'Peranan wanita Melayu muda dalam politik menurut perspektif Islam'. Selain itu, isu hangat yang dijangka dibincangkan ialah isu kepimpinan Puteri Umno memandangkan ketuanya, Azalina Othman Said secara teknikal bakal hilang kelayakan pada 31 Disember ini apabila beliau menyambut hari jadi ke-40, iaitu usia yang dihadkan bagi menyandang ketua dalam pergerakan itu.

Beberapa bahagian Puteri, baru-baru ini, mengemukakan usul supaya had umur 40 tahun bagi Ketua Puteri, dimansuhkan dan keahlian automatik diberi kepada wanita berusia 18 hingga 35 tahun yang ingin menyertai parti. Ramai pemerhati politik berpendapat usul berkenaan dikatakan bagi membolehkan Azalina terus mengetuai pergerakan itu.

Bagaimanapun, ada segelintir yang tidak bersetuju kerana beranggapan usul itu tidak perlu dibincangkan lagi berikutan sudah beberapa kali perubahan dibuat dan lebih menjurus kepada kepentingan individu tertentu.

Mungkinkah di sini teruji kebijaksanaan perwakilan Puteri Umno untuk melihat sejauh mana usul itu perlu dibentangkan atau sebaliknya? Persoalannya, tanpa Azalina siapakah yang bakal menerajui pergerakan yang dilihat hasil acuan peguam muda itu?

Apa pun, diharapkan persidangan Perhimpunan Agung Umno kali ini diharap dapat menyerlahkan ketajaman fikiran, kepekaan dan persediaan ahli dan kepimpinan pergerakan Wanita Umno dan Puteri Umno sebagai dua entiti penting dalam parti Umno.

Ditambah selepas pengunduran Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed Oktober ini, semua pihak perlu saling bersatu bagi mengukuhkan

jentera parti dan meneruskan agenda membangunkan bangsa Melayu serta negara Malaysia.